



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN KEAHLIAN DAN BAYARAN YURAN
MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA

1. Definisi Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP)?

MSP adalah satu organisasi induk yang menentukan dasar, merancang dan melaksanakan aktiviti sukan Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi. MSP telah diluluskan pendaftarannya dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada 14 April 2022 di bawah Seksyen 7, Akta Pertubuhan 1966 dan nombor pendaftarannya ialah PPM-021-05-14042022.

2. Siapakah yang boleh menjadi ahli MSP?

Merujuk kepada Fasal 4 Perlembagaan MSP, keahlian adalah seperti berikut :-

a) Ahli gabungan

Terdiri daripada Pengarah Bahagian, Pengarah Politeknik Malaysia, Ketua Jabatan Sukan, Ketua Unit Sukan dan lain-lain pegawai yang dilantik yang boleh mengundi dan diundi bagi menerajui MSP.

b) Ahli pelajar

Semua pelajar sepenuh masa di Politeknik Malaysia adalah ahli berdaftar dengan MSP yang beralamat di Politeknik di mana pelajar ini mengikuti pengajian.

3. Apakah punca kuasa pendaftaran keahlian dan kutipan yuran MSP?

MSP adalah badan yang berdaftar sah dengan ROS. Kebenaran bagi keahlian & kutipan telah dibentang dan **diluluskan** melalui Mesyuarat Pengurusan JPPKK Bil 7/2023 pada 5 Julai 2023

4. Berapakah kadar bayaran yuran MSP?

Kadar bayaran yuran adalah seperti berikut :

Pengajian	Kadar
Tahun 1 (Semester 1 & 2)	Yuran Keahlian - RM10.00 Yuran Tahunan - RM 30.00 Jumlah - RM 40.00
Tahun 2 (Semester 3 & 4)	Yuran Tahunan - RM 30.00 Jumlah - RM 30.00
Tahun 3 (Semester 5 & 6)	Yuran Tahunan - RM 30.00 Jumlah - RM 30.00

- *Semua pelajar sepenuh masa adalah termasuk pelajar yang mengikuti pengajian sarjana muda, diploma, sijil dan asasi.*

5. Adakah yuran MSP boleh digunakan untuk aktiviti selain sukan?

Yuran MSP hanya digunakan bagi aktiviti yang berteraskan sukan sahaja.

6. Sekiranya pelajar berhenti pengajian, tangguh, digugurkan status pelajar atau menerima tawaran di institusi lain selain politeknik, adakah yuran MSP boleh dituntut semula?

Yuran yang telah dibayar ke akaun MSP tidak boleh dituntut dan dikembalikan.

7. Bagaimanakah kaedah pembayaran yuran MSP?

Ahli/pelajar hanya boleh membayar menggunakan pindahan wang/dana daripada akaun pembayar sahaja (*EFT- Electronic Fund Transfer*). Sila nyatakan No Kad Pengenalan sebagai rujukan semasa membuat bayaran. Bayaran hendaklah dikemukakan kepada :

Nama Akaun : Tetuan Majlis Sukan Politeknik

Bank : Bank Islam Malaysia

No Akaun : Rujuk no akaun di portal pendaftaran

8. Bolehkah yuran MSP dibayar secara tunai?

Tidak. Pihak politeknik tidak dibenarkan menerima wang tunai. Bayaran hendaklah dibuat sebelum hari pendaftaran dan sesi bermula.

9. Bagaimanakah prosedur pendaftaran dan penyerahan borang keahlian serta bayaran yuran MSP yang telah lengkap?

Prosedur Pendaftaran :

Pelajar perlu memuat turun borang pendaftaran keahlian MSP. Dokumen lengkap bermaksud pelajar telah mengisi dan menandatangani borang pendaftaran keahlian SERTA membuat bayaran (kemukakan resit/slip) Yuran MSP sebanyak RM40.00.

Prosedur Penyerahan :

a) Pelajar Baharu Semester 1

Borang pendaftaran keahlian dan bayaran yuran tahunan (resit/slip) hendaklah dikemukakan kepada **Pegawai Pendaftaran** bertugas. Proses semakan dan pengumpulan borang akan dibuat pada hari pendaftaran pelajar baharu. Semua borang yang telah lengkap akan dikumpul dan diserahkan kepada Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (JSKK).

b) Pelajar Lama/Senior

Borang pendaftaran keahlian dan bayaran yuran tahunan (resit/slip) hendaklah dikemukakan kepada **Penasihat Akademik** masing-masing. Semua borang yang telah lengkap akan dikumpul dan diserahkan kepada Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (JSKK).

10. Berapa lama tempoh masa yang diberikan untuk pembayaran akhir yuran MSP?

Pelajar diberi tempoh selewat-lewatnya **minggu ke 3** selepas tarikh pendaftaran pelajar.

11. Siapakah yang ditugaskan untuk menguruskan pengumpulan borang, merekod keahlian dan merekod bayaran yuran MSP ke dalam sistem?

Pihak BAPP bertanggungjawab melantik JSKK Politeknik Malaysia bagi mengurus, mengesah serta menjawab pertanyaan berkaitan bayaran yuran MSP ini. Borang yang diterima daripada pegawai pendaftaran semasa hari pendaftaran pelajar semester 1, penasihat akademik bagi pelajar senior dan lain-lain kes akan diserahkan kepada JSKK politeknik masing-masing bagi tujuan rekod dan pengemaskinian data serta bayaran yuran MSP.

12. Adakah borang keahlian dan bayaran yuran MSP perlu dimasukkan ke dalam Fail Peribadi Pelajar ?

Tidak. Borang keahlian dan bayaran yuran perlu diserahkan kepada JSKK bagi tujuan perekodan.

13.Siapakah orang yang boleh dihubungi bagi pertanyaan perihal keahlian dan bayaran yuran MSP ?

Pegawai JSKK di politeknik masing-masing yang boleh dihubungi adalah :

- i. Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan
- ii. Ketua Unit Sukan atau Pegawai Sukan
- iii. Pembantu Tadbir